

**PELAKSANAAN PROGRAM TRANSISI KERJAYA  
(PTK) MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS  
(MBPK) MASALAH PEMBELAJARAN (MP)**

**SITI NOR IDAYU BINTI MOHD NASSIR**

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

PELAKSANAAN PROGRAM TRANSISI KERJAYA (PTK) MURID  
BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK) MASALAH  
PEMBELAJARAN (MP)

SITI NOR IDAYU BINTI MOHD NASSIR

Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

MEI 2016

## DEDIKASI

*Bismillahirrahmanirrahim....*

*Teristimewa suami tercinta Mohd Razif Bin Rusli di atas segala pengorbanan, doa, tolak ansur dan kerjasama dalam tempoh tesis ini disiapkan. Seterusnya buat cahaya mata, penyejuk hati, penenang jiwa, Nur Farah Irdina & Dhia Raihanah Qairina yang sentiasa menjadi sumber inspirasi.*

*Tidak lupa kepada insan yang selama ini banyak berkorban sepanjang kehidupan ini iaitu kedua ibu bapa Mohd Nassir Bin Hamid & Sarimah Binti Deraman. Seterusnya kepada Ibu dan bapa mertua, Rusli Bin Said dan Siti Rahmah Binti Mohamad yang sentiasa mengambil berat dan memahami situasi sepanjang kajian ini disiapkan. Seterusnya sekalung terima kasih juga kepada adik-beradik terutamanya kepada Siti Nur Azlinie Binti Mohd Nassir dan keluarga tersayang. Sesungguhnya...Dengan berkat doa dan pengorbanan kalian, kata-kata pembakar semangat dan nasihat, diri ini mampu menjalankan dan menamatkan kajian dengan jayanya serta menghasilkan sebuah penulisan tesis seperti ini.*

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah S.W.T di atas limpah dan kurnia dariNya, akhirnya sebuah penulisan tesis tentang ‘Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP) dapat dihasilkan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Penyelia Utama iaitu Prof. Madya. Dr. Mohamad Hisyam Bin Mohd Hashim di atas tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, dorongan dan kata-kata semangat yang sentiasa diberikan sepanjang kajian ini dijalankan sehingga terhasilnya sebuah penulisan tesis. Seterusnya, jutaan terima kasih kepada pihak sekolah, guru-guru PPKI dan MBPK MP di SMK Mawar di atas segala kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam tempoh kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga penghargaan kepada pihak Bahagian Pendidikan Khas (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana memberi kebenaran kajian ini dijalankan dan kerjasama yang baik semasa memberikan segala maklumat yang diperlukan. Akhir kata, terima kasih juga diucapkan kepada panel penilai Dr Nur Sofurah Binti Mohd Faiz dan Prof Dr Yusup Hashim di atas komen dan bimbingan sebagai panduan dalam proses menghasilkan sebuah penulisan tesis yang baik.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka, memahami dan menjelaskan pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP). Oleh yang demikian, kajian dijalankan bagi menjawab persoalan kajian tentang pelaksanaan PTK untuk MBPK MP di PPKI SMK Mawar, penglibatan industri dalam pelaksanaan PTK untuk MBPK MP di PPKI SMK Mawar dan bagaimana PTK dengan penglibatan industri boleh menjadi panduan kepada pelaksanaan untuk MBPK MP. Kaedah kajian kualitatif dan strategi kajian kes telah digunakan untuk pengumpulan dan analisis data melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan dengan memilih 6 orang peserta kajian yang bersesuaian. Dapatan kajian telah dapat mengenalpasti dan menjelaskan secara terperinci tentang pelaksanaan PTK untuk MBPK MP dan merungkaikan cabaran-cabaran yang wujud sepanjang program tersebut dijalankan. Selain itu, hasil dapatan kajian berjaya merangka satu Kerangka Amalan Transisi Kerjaya MBPK MP sebagai panduan dalam pelaksanaannya. Dapatan kajian ini diharap boleh dijadikan panduan atau rujukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), pihak institusi pendidikan vokasional awam dan swasta, industri, keluarga dan MBPK MP untuk melaksanakan PTK dengan berkesan. Di samping itu, beberapa cadangan telah dibuat untuk rujukan pihak berkepentingan dan kajian lanjutan.

## **ABSTRACT**

This study aims to explore, understand and explain the implementation of the Career Transition Program (CTP) for Special Educational Needs Student (SENS) Learning Disabilities (LD). The study was conducted to answer the research question about the implementation of CTP in PPKI SMK Mawar, industry involvement in the implementation of the CTP in PPKI SMK Mawar and how does the CTP with industry involvement can be a guide to the implementation for SENS LD. Qualitative research methods and case study strategies have been applied to the collection and analysis of data through interviews, observations and document analysis. Therefore, purposive sampling method was used with 6 participants were chosen as study participants. The findings have been able to identify and explain the implementation of CTP for SENS LD and the challenges that exist in the program. In addition, the study managed to design a Career Transition Practice Framework for SENS LD as a guide for implementation. The findings of this study hopefully would be used as a guide or reference by the Ministry of Education (MOE), State Education Department (SED), Special Education Integration Programme (SEIP), the institutions of public and private vocational education, industry, family and SENS LD to implement the CTP effectively. In addition, several suggestions have been made for the reference of interested parties and further research.

## KANDUNGAN

	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Tujuan Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Kepentingan Kajian	12
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	13
	1.8 Definisi Istilah/ Operasional	14
	1.8.1 Pelaksanaan	14
	1.8.2 Kerjaya	15
	1.8.3 Kebolehgajian	15
	1.8.4 Kolaborasi	15
	1.8.5 Kemahiran Advokasi Diri	16

1.9	Rumusan	16
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>		
2.1	Pendahuluan	17
2.2	Kurikulum Pendidikan Khas	18
2.3	Pendidikan Vokasional	21
2.4	Program Transisi Kerjaya (PTK) Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP)	25
2.5	Model-Model dalam Transisi Kerjaya MBPK MP	29
2.5.1	Model Pilihan Transisi untuk MBPK	30
2.5.2	Taksonomi Perancangan Transisi	32
2.5.3	Standard Transisi dan Petunjuk Kualiti untuk Pendidikan Menengah dan Transisi (Kedewasaan)	33
2.5.4	Model Perancangan Transisi Alternatif untuk Murid Pendidikan Khas	34
2.5.5	Model Hubungan Pekerjaan	35
2.6	Kerangka Teori Kajian	36
2.7	Teori-Teori Transisi Kerjaya	38
2.7.1	Perancangan Berpusatkan Murid	39
2.7.2	Perkembangan Murid	44
2.7.3	Kolaborasi Antara Agensi dan Pelbagai Disiplin	47
2.7.4	Penglibatan Keluarga	50
2.7.5	Struktur Program	51
2.8	Cabaran dalam Pelaksanaan PTK untuk MBPK MP	53
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>		
3.1	Pendahuluan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.2.1	Kajian Kes Secara Kualitatif	57
3.3	Kerangka Operasi Kajian	59
3.4	Lokasi Kajian	61



3.5	Peserta Kajian	63
3.6	Proses Pengumpulan Data	65
3.6.1	Temu Bual	67
3.6.1.1	Pembangunan Protokol Temu Bual	70
3.6.2	Pemerhatian	70
3.6.3	Analisis Dokumen	72
3.7	Proses Analisis Data	73
3.7.1	Pembersihan dan Saringan Data	76
3.7.2	Memahami Data	77
3.7.3	Penghasilan Kategori Analitikal	78
3.8	Etika Dalam Kajian	79
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	80
3.9.1	Triangulasi	81
3.10	Tempoh Masa Kajian	82
3.11	Rumusan	83
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pendahuluan	84
4.2	Pelaksanaan PTK untuk MBPK MP di PPKI SMK Mawar	85
4.2.1	Persekolahan MBPK MP	85
4.2.1.1	Pelaksana	85
4.2.1.2	Sokongan Pentadbiran Sekolah	86
4.2.1.3	Membekal Kemahiran Bekerja	88
4.2.1.4	Memantau Perkembangan	89
4.2.1.5	Perunding dan Pemudah Cara	90
4.2.1.6	Fasilitator dan Pengurus	91
4.2.2	Perancangan Berpusatkan MBPK MP	93
4.2.2.1	Penentuan Diri ke Arah Kehidupan Bermakna	93
4.2.2.2	Kemahiran Advokasi Diri	96
4.2.2.3	Pembentukan Matlamat Masa Depan	99
4.2.2.4	Tindakan Masa Depan	100

4.2.3	Struktur PTK	101
	4.2.3.1 Program Keusahawanan	101
	4.2.3.2 Program PK Possible	105
	4.2.3.3 Program <i>Buying Seats</i>	107
	4.2.3.5 Program <i>Job Coaching</i>	110
4.2.4	Kolaborasi Bersama Institusi Pendidikan Vokasional Awam, Swasta dan Industri	113
	4.2.4.1 Pengurusan Masa	113
	4.2.4.2 Pengurusan Tempat	114
	4.2.4.3 Pengurusan Kewangan	115
4.2.5	Penglibatan Keluarga	116
	4.2.5.1 Peranan dan Tanggungjawab	116
	4.2.5.2 Hak	117
	4.2.5.3 Latihan	118
4.2.6	Perkembangan MBPK MP	118
	4.2.6.1 Kehidupan	122
	4.2.6.2 Pekerjaan	123
	4.2.6.3 Perkembangan Kemahiran Bekerja	123
4.2.7	Kesediaan Pengalaman Kerja MBPK MP	125
	4.2.7.1 Kesedaran Kerjaya	125
	4.2.7.2 Penerokaan Kerjaya	126
	4.2.7.3 Penilaian Kerjaya	127
4.2.8	Rumusan	127
4.3	Penglibatan Industri dalam Pelaksanaan PTK untuk MBPK MP di PPKI SMK Mawar	133
	4.3.1 Mengenal dan Memahami Murid	133
	4.3.2 Komunikasi	134
	4.3.3 Sikap Prihatin	135
	4.3.4 Mengurangkan Jurang Perhubungan	137
	4.3.5 Konsep Kerja Berasaskan Pembelajaran	137
	4.3.6 Khidmat Latihan	138
	4.3.7 Motivasi	139
	4.3.8 Sokongan	139
	4.3.9 Peluang Pekerjaan	140

4.3.10	Rumusan	141
4.4	PTK dengan Penglibatan Industri Boleh Menjadi Panduan kepada Pelaksanaan untuk MBPK MP	143
4.4.1	Peranan dan Tanggungjawab Industri	143
4.4.2	Kelebihan Kepada Sekolah	144
4.4.3	Kelebihan Kepada Keluarga	145
4.4.4	Kelebihan Kepada Industri	145
4.4.5	Strategi Komunikasi	146
4.4.6	Latihan Tempat Kerja	146
4.4.7	Rumusan	147
4.5	Cabaran dalam Pelaksanaan PTK untuk MBPK MP	149
4.5.1	Pemahaman Konsep Transisi Kerjaya	149
4.5.2	Pernyataan dari Peringkat Dasar	150
4.5.3	Sikap Ibu Bapa	151
4.5.4	Penerimaan Murid	152
4.5.5	Tempat Latihan	154
4.5.6	Pekerjaan	154
4.5.7	Faktor Kewangan	155
4.5.8	Rumusan	156
4.6	Rumusan Keseluruhan	158

## **BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	159
5.2	Perbincangan	160
5.2.1	Pelaksanaan PTK untuk MBPK MP	160
5.2.1.1	Persekolahan	160
5.2.1.2	Perancangan Berpusatkan Murid	162
5.2.1.3	Struktur PTK	164
5.2.1.4	Kolaborasi Bersama Institusi Pendidikan Vokasional Awam, Swasta dan Industri	166
5.2.1.5	Penglibatan Keluarga	168

5.2.1.6	Perkembangan Murid	169
5.2.1.7	Kesediaan Pengalaman Kerja Murid	171
5.2.2	Penglibatan Industri dalam Pelaksanaan PTK untuk MBPK MP di PPKI SMK Mawar	172
5.2.3	PTK dengan Penglibatan Industri Boleh Menjadi Panduan kepada Pelaksanaan untuk MBPK MP	175
5.3	Cabaran dalam Pelaksanaan PTK untuk MBPK MP	177
5.4	Rumusan Keseluruhan	180
5.5	Sumbangan Kajian dalam Bidang Ilmu	183
	<b>RUJUKAN</b>	188
	<b>LAMPIRAN</b>	196

## SENARAI RAJAH

2.1	Model Konseptual Kurikulum Pendidikan Khas	19
2.2	Latihan Vokasional Berasaskan Sekolah (Polloway, Patton & Serna, 2001)	22
2.3	Konsep Transisi Pendidikan Khas (Bahagian Pendidikan Khas, 2015)	26
2.4	Model Pilihan Transisi untuk MBPK (Rojewski, 1992)	31
2.5	Taksonomi Perancangan Transisi (Kohler & Field, 2003)	32
2.6	Standard Transisi dan Petunjuk Kualiti untuk Pendidikan Menengah dan Transisi (Kedewasaan) (Blackmon, 2008)	33
2.7	Model Perancangan Transisi Alternatif untuk Murid Pendidikan Khas (Karahalis, 2011)	34
2.8	Model Hubungan Pekerjaan (Thijssen, Heijden & Rocco, 2008)	35
2.9	Kerangka Teori Kajian	37
2.10	Model Penyatuan Pendidikan Khas (Peter <i>et al.</i> , 2010)	39
2.11	Ciri-Ciri Advokasi Diri MBPK (Fakulti Pendidikan Universiti York, 2012)	41
2.12	Model Kemahiran Kebolehgajian MBPK (Blackmon, 2008)	45
3.1	Kerangka Operasi Kajian	60
3.2	Carta Alir Proses Pengumpulan Data	66
3.3	Carta Alir Proses Analisis Data	75
4.1	Contoh Transkripsi Rakaman Video	95
5.1	Cadangan Kerangka Amalan Transisi Kerjaya MBPK MP	184

**SENARAI JADUAL**

3.1	Penempatan MBPK MP di dalam PTK	62
3.2	Profil Peserta Kajian	64
4.1	Contoh Nota Lapangan Proses PdP	92
4.2	Perancangan dan Rasional Program	97
4.3	Pembentukan Kemahiran Advokasi Diri	99
4.4	Kemahiran Latihan Vokasional Berasaskan Sekolah	104
4.5	Murid yang Berjaya Ditempatkan di Institusi Pendidikan Vokasional	108
4.6	Murid yang Menjalani Latihan/ Bekerja	111
4.7	Contoh Pencapaian Rizal	119

## SENARAI SINGKATAN

BPK	-	Bahagian Pendidikan Khas
GPK	-	Guru Penolong Kanan
HSPPKBP	-	Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran
IDEA	-	<i>Individual Disabilities Education Act</i>
IPGM	-	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNJ	-	Jabatan Pendidikan Negeri Johor
KSM	-	Kementerian Sumber Manusia
KH	-	Kemahiran Hidup
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBPK	-	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
MP	-	Masalah Pembelajaran
MPV-Khas	-	Mata Pelajaran Vokasional-Khas
NKRA	-	<i>National Key Result Areas</i>
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PPKI	-	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPM	-	Pembantu Pengurusan Murid
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PTK	-	Program Transisi Kerjaya
PTPK	-	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
RPI	-	Rancangan Pendidikan Individu
SKK	-	Sekolah ke Kerjaya
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia

SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
WBL	-	<i>Work Base Learning</i>



**SENARAI LAMPIRAN**

A	Kebenaran Menjalankan Kajian	196
B	Persetujuan Peserta Kajian	197
C	Prinsip dan Prosedur Menjalankan Kajian	198
D	Carta Gantt Kajian	199
E	Deskripsi Peserta Kajian	200
F	Contoh Protokol dan Transkrip Temu Bual	201
G	Contoh Nota Lapangan	202
H	Contoh Analisis Dokumen	203

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013) Bahagian 3, 'Pendidikan Khas' ertinya pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas di suatu sekolah khas, atau di sekolah yang melaksanakan PPKI atau Program Pendidikan Khas Inklusif, pada peringkat pendidikan pra sekolah; pendidikan rendah; pendidikan menengah; atau pendidikan lepas menengah. Akta tersebut juga menyatakan bahawa 'Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)' ertinya murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli politik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan; ketidakupayaan pendengaran; ketidakupayaan pertuturan; ketidakupayaan fizikal; masalah pembelajaran; atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan, atau ketidakupayaan dan masalah, seperti yang disebut.

Pendidikan khas adalah program atau perkhidmatan yang direka khas bagi melengkapkan keperluan seseorang individu yang luar biasa dan memerlukan bahan-bahan pengajaran khas, teknik pengajaran yang luar biasa serta kemudahan-kemudahan yang tertentu (Kauffman & Hallahan, 2005). Peter, Emeliana & Mohd Sofi (2010) pula menyatakan bahawa murid khas atau individu istimewa merupakan

sekumpulan murid yang kurang upaya dan mengalami masalah pembelajaran. Pelbagai istilah yang digunakan terhadap individu berkeperluan khas seperti individu luar biasa, individu kurang upaya, individu yang mengalami kecacatan, individu istimewa dan individu yang berisiko. Namun, pendidikan khas dalam konteks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dilaksanakan melalui sekolah khas untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran. Manakala bagi individu bermasalah pembelajaran pula ditempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang merupakan program pendidikan khas di sekolah arus perdana (Bahagian Pendidikan Khas, 2014).

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013) Bahagian 3 juga, 'PPKI' ertinya suatu program pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas yang hanya dihadiri oleh murid berkeperluan pendidikan khas di kelas khas di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Program tersebut diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah serta sekolah menengah teknik dan vokasional dengan menggunakan pendekatan pembelajaran dan pengajaran secara pengasingan dan separa inklusif (Bahagian Pendidikan Khas, 2014). Oleh itu, PPKI merupakan satu program atau kelas di sekolah arus perdana yang bertanggungjawab menguruskan pendidikan MBPK Masalah Pembelajaran (MP).

Istilah 'masalah pembelajaran' mula digunakan dalam tahun 1980an bagi menggantikan istilah 'cacat akal' kerana penggunaan istilah ini lebih menjurus ke arah yang lebih positif dan mengurangkan keaiban bagi menjelaskan orang yang mempunyai tahap fungsi intelek yang terhad dan sedang berkembang ataupun berkembang dengan tahap yang lambat berbanding kebanyakan orang (Mohamed, 2005). Kecacatan yang dialami boleh dikategorikan mengikut tahap kefungsi kanak-kanak dalam kebolehan kognitif, tingkah laku sosial atau perkembangan sosial, penguasaan bahasa (lisan atau pertuturan), keupayaan membaca, kemahiran perkembangan dan kemahiran mengira. Mohamed (2005) menjelaskan antara kecacatan yang dialami oleh MBPK MP adalah seperti lembam iaitu yang disebabkan kecacatan otak, autistik, down sindrom, terencat akal ringan atau terencat akal sederhana. Selain itu, mereka juga merupakan golongan yang telah disahkan oleh pakar perubatan sama ada hiper aktif, hipo aktif, serebral palsy, bermasalah

emosi atau tingkah laku, bermasalah pertuturan, epilepsi atau melibatkan pelbagai kecacatan.

Pendidikan khas memainkan peranan penting dalam membantu golongan berkeperluan pendidikan khas MP menghadapi cabaran dalam pembelajaran sehinggalah memasuki alam pekerjaan (Nasri, Hamzah & Udin, 2010). Sebanyak 738 buah sekolah menengah arus perdana yang melaksanakan PPKI (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) menyatakan bahawa mereka sedar tentang kepentingan menyediakan pendidikan yang sesuai untuk murid berkeperluan khas di mana golongan ini mungkin lebih sesuai menggunakan kurikulum vokasional bagi menyediakan golongan tersebut dengan kemahiran hidup berbanding kurikulum akademik sedia ada. Secara amnya, golongan yang mempunyai masalah dalam pembelajaran mempunyai keupayaan fizikal yang boleh dilatih melalui pendidikan vokasional supaya dapat digunakan dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu (Mat Daros, Nordin & Saud, 2012).

Kepentingan pendidikan vokasional kepada MBPK MP tidak dapat dinafikan dalam membantu menyiapkan diri dan bersedia ke arah melangkah ke dunia pekerjaan setelah tamat persekolahan (Mat Daros *et al.*, 2012; Jones & Williams, 2011; Paul, 2011; Ofoegbu & Azarmsa, 2010; Worrell & Taber, 2009; Mohd Isa, *et al.*, 2009; Dupoux, 2008). Malah didapati kemampuan bekerja bekas murid vokasional lebih baik berbanding dengan individu yang tidak mempunyai latihan adalah kerana latihan vokasional yang diterima di sekolah dapat menyediakan murid dengan kemahiran berguna dalam menyelesaikan masalah sewaktu bekerja (Ofoegbu & Azarmsa, 2010). Selain itu, kurikulum pendidikan vokasional tidak bersifat akademik dan tidak terlalu mencabar keupayaan intelek murid serta memberi penekanan dari aspek pembinaan sikap positif murid terhadap kurikulum dalam usaha menyerap isi kandungan yang ada seterusnya dapat menguasai kemahiran tersebut (Mohd Isa, 2009).

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) juga berpendapat bahawa pendidikan vokasional merupakan laluan pendidikan alternatif untuk menyokong penambahbaikan dalam bidang lain untuk kumpulan berkeperluan khas di mana golongan ini perlu didedahkan kepada realiti kehidupan setelah tamat persekolahan melalui satu program yang sistematik. Oleh itu, program transisi dari sekolah ke alam selepas persekolahan dan mendapat peluang pekerjaan yang sesuai adalah

merupakan satu langkah yang sangat bijak dalam melahirkan murid yang berkemahiran (Williams-Diehm & Lynch, 2007). Mat Daros *et al.* (2012) juga berpendapat bahawa, melalui program transisi ke kerjaya, latihan vokasional yang relevan dapat disediakan dengan keperluan pasaran kerja semasa serta bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar itu sendiri.

Menurut Ahmad (2004), 'transisi' ditakrifkan sebagai masa yang dihadapi oleh mereka yang kurang upaya selepas meninggalkan bangku sekolah sehingga mendapat pekerjaan. Namun begitu, transisi mengikut konteks MBPK adalah satu gabungan aktiviti untuk murid, melalui hasil dapatan daripada orientasi yang membentuk pergerakan dan sekolah ke aktiviti selepas tamat sekolah termasuk pendidikan selepas menengah, latihan vokasional, integrasi pekerjaan secara berterusan, pendidikan dan perkhidmatan dewasa, hidup berdikari serta penglibatan komuniti (William-Diehm & Lynch, 2007). Sehubungan dengan itu, Program Transisi Kerjaya (PTK) MBPK merupakan gabungan aktiviti berdasarkan keperluan murid secara individu, dengan mengambil kira pilihan dan minat murid serta mengikut pasaran kerja, termasuklah arahan, pengalaman komuniti, perkembangan pekerjaan dan pelbagai objektif kehidupan alam dewasa selepas tamat persekolahan seterusnya mempunyai masa depan dengan mendapat pekerjaan yang sesuai (Polloway, Patton & Serna, 2001).

Seterusnya, perkembangan transisi yang telah dijalankan dapat dilihat berdasarkan persoalan apa, di mana dan bagaimana MBPK menjalankan kehidupan seharian dan bekerja sebagai orang dewasa (Kiarie, 2006). Selain itu, program transisi yang dijalankan bagi setiap kategori kecacatan haruslah mempunyai reka bentuknya sendiri kerana perkhidmatan yang dibina melalui program transisi tersebut banyak menekankan dalam aspek pemilihan bidang kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan individu (Mat Daros *et al.*, 2012). Blackmon (2008) pula menjelaskan bahawa perkhidmatan transisi ke arah kerjaya MBPK perlu melibatkan agensi-agensi pendidikan dan keluarga dalam membangunkan perkhidmatan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) berdasarkan kekuatan, minat dan matlamat selepas tamat persekolahan murid tersebut.

Oleh itu, institusi iaitu pihak sekolah memainkan peranan dalam membentuk, merangka dan menentukan proses pembelajaran yang bersesuaian dengan potensi individu MBPK terutamanya dalam program-program pendidikan vokasional yang

dijalankan (Dupoux, 2008). Namun begitu, pihak ibu bapa dan komuniti juga perlu memberikan sokongan yang kuat kepada pihak institusi bagi memastikan program yang dirangka dapat dilaksanakan secara berkesan seterusnya melahirkan MBPK yang berkemahiran untuk masuk ke alam pekerjaan (Mohd Isa *et al.*, 2009). Ini adalah kerana kejayaan murid pendidikan khas juga banyak bergantung kepada sokongan daripada ibu bapa, guru dan masyarakat sekeliling (Hassan, Yusuf & Wahab, 2006).

Bagi memastikan kualiti pendidikan MBPK dapat ditingkatkan, KPM telah memberi keutamaan untuk melakukan anjakan kaedah pembelajaran dan pengajaran sekolah kepada sistem pembelajaran yang luas dengan melibatkan ibu bapa dan komuniti sebagai rakan dalam membantu pembelajaran dan pengajaran murid supaya lebih berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Selain itu, dalam menyiapkan MBPK untuk mendapat peluang pekerjaan, kurikulum dan kesesuaian aktiviti perlu dibangunkan dalam persediaan menempuh perubahan, kepelbagaian teknologi yang semakin canggih dan pembelajaran sepanjang hayat (Elleven *et al.*, 2006). Oleh itu, pelaksanaan PTK untuk MBPK MP di PPKI sekolah menengah perlu diteliti dengan mendalam bagi menghasilkan satu panduan terhadap amalan transisi kerjaya yang dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pihak berkepentingan dalam melahirkan MBPK MP yang bersedia melangkah ke alam dewasa dan mendapat pekerjaan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Golongan berkeperluan khas juga seperti insan lain yang memerlukan pekerjaan supaya tidak hanya bergantung harap kepada keluarga dan menunggu ihsan dari orang lain untuk memenuhi keperluan kehidupan seharian. Kesukaran golongan berkeperluan khas terutama murid MP untuk mendapatkan pekerjaan merupakan satu isu yang perlu diberi perhatian serius (Abdullah *et al.*, 2015). Ini adalah kerana peluang pekerjaan tidak terjamin untuk golongan berkeperluan khas walaupun mereka diberi peluang pendidikan yang sama (Nasri *et al.*, 2010). Perkara utama yang mereka harus hadapi adalah persaingan yang meliputi peluang pekerjaan,

kemahiran yang diperlukan ditambah pula dengan keupayaan dan kemampuan fizikal yang kurang, pandangan masyarakat (Mat Daros *et al.*, 2012) serta kekurangan kemahiran yang selari dengan kehendak majikan (Abdullah *et al.*, 2015).

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) berpendapat bahawa murid berkeperluan khas tidak tersedia untuk diambil bekerja disebabkan laluan kerjaya yang kurang jelas untuk mereka. Berdasarkan laporan dari Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025, pada tahun 2012, sebanyak 1,934 murid berkeperluan khas daripada sekolah pendidikan khas, vokasional dan arus perdana menamatkan pendidikan pada Tingkatan Lima, namun tiada program penempatan kerja yang standard disediakan untuk murid berkeperluan khas, dan bilangan yang akan diambil bekerja adalah tidak jelas. Tambahan pula golongan ini masih lagi dipertikaikan keupayaan mereka oleh masyarakat menyebabkan ramai yang masih tidak mempunyai pekerjaan walaupun setelah menamatkan persekolahan (Mohd Isa & Abdul Kadir, 2013). Namun begitu, terdapat juga organisasi yang menyedari bahawa kurangnya sokongan dan perhatian yang memulakan dasar negara untuk mewujudkan sistem sokongan pekerjaan untuk golongan tersebut (Ng Lee *et al.*, 2013).

Oleh itu, KPM telah menyatakan di dalam PPPM 2013 - 2025 bahawa mereka akan melibatkan majikan bagi menyokong usaha dalam menyediakan kurikulum yang luwes, relevan, dan berkualiti tinggi untuk MBPK dengan membangunkan satu program transisi tempat kerja (*on-job training*) untuk membantu lulusan pendidikan khas memasuki alam pekerjaan. Di samping itu, mereka bercadang membentuk kerjasama dengan institusi latihan vokasional, bagi menyediakan ruang pendidikan alternatif, bekerjasama dengan sektor swasta dan badan bukan kerajaan bagi membeli tempat (*buying seats*) di pusat latihan vokasional sedia ada dan menentukan garis panduan yang jelas untuk penyediaan khusus bagi membantu menginstitusikan kurikulum pendidikan khas yang berkualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Walaupun KPM memutuskan polisi di dalam PPPM, namun pelaksanaan PTK untuk MBPK MP masih samar.

Isu tersebut juga telah dinyatakan semasa tinjauan awal secara temu bual pada April 2014 yang dibuat bersama seorang pegawai di Bahagian Pendidikan Khas (BPK), KPM.

*Pihak kementerian masih dalam usaha untuk menentukan garis panduan yang jelas untuk pelaksanaan program transisi kerjaya murid berkeperluan khas (En. Zain).*

Hal ini menunjukkan bahawa masih tiada undang-undang khusus yang memberi mandat bahawa pelaksanaan PTK disediakan kepada MBPK (Ng Lee *et al.*, 2013). Selain itu, isu ini juga disentuh di dalam satu Kursus Asas *Jobcoach* dan Kursus Modul Sokongan Transisi ke Arah Kedewasaan dan Kerjaya untuk MBPK yang dianjurkan oleh KPM pada tahun 2013. Melalui kursus tersebut juga ada dinyatakan bahawa tiada dasar dan garis panduan pelaksanaan program transisi, program tersebut dilaksanakan atas inisiatif sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), kurang kerjasama antara agensi dalam melaksanakan transisi dan kurang personel yang menyokong pelaksanaan tersebut (Lampiran H).

Kajian Abdullah *et al.* (2015) terhadap pendidikan vokasional sebagai asas laluan kerjaya MBPK MP juga membuktikan bahawa sehingga kini kesinambungan pendidikan dan peluang pekerjaan belum lagi dilaksanakan secara berkesan antara pihak KPM dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM). Hal ini menunjukkan kurikulum semasa MBPK MP peringkat menengah di Malaysia mempunyai banyak kelemahan kerana tidak menjurus ke arah menyediakan murid dengan kemahiran vokasional (Mat Daros *et al.*, 2012; Peter *et al.*, 2010; Mohd Isa *et al.*, 2009) dan kemahiran generik yang merupakan kemahiran yang penting dalam bekerja (Nasri *et al.*, 2010). Oleh yang demikian, MBPK MP didapati mempunyai kemahiran kebolehgajian yang kurang (Samian, Ali & Buntat, 2013). Di samping itu, kemahiran kebolehgajian yang diperolehi oleh MBPK di pendidikan vokasional belum tentu dapat memenuhi kehendak majikan sepenuhnya (Yusuf, Ali & Salleh, 2013).

Ini adalah kerana bidang vokasional melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup (KH) yang didedahkan kepada MBPK MP kadangkala tidak memenuhi keperluan mereka dari segi minat dan kebolehan intelek serta tidak memenuhi kehendak penawaran guna tenaga dan ditambah pula dengan tahap komunikasi dan sosial yang rendah dengan tahap yang sepatutnya dikuasai bagi tujuan pekerjaan (Mohd Isa *et al.*, 2009). Faktor ketidakmahiran untuk bekerja ini seterusnya dijadikan alasan oleh pihak majikan untuk mendeskriminasi dan mengeksploitasikan golongan berkeperluan khas dalam sektor pekerjaan (Samian *et al.*, 2013; Nasri *et al.*, 2010).



Namun begitu, Yusuf *et al.* (2013) berpendapat bahawa keperluan majikan dapat difahami dengan mewujudkan kesepadanan kemahiran kebolehgajian yang diterapkan oleh guru dengan kemahiran kebolehgajian yang dikehendaki oleh majikan. Oleh yang demikian, kesinambungan dari usaha yang samar dari KPM menjadi sebab kepada guru-guru PPKI perlu berusaha mencari dan melibatkan pelbagai agensi yang sanggup berkerjasama dalam memberikan peluang kepada MBPK MP melalui pelbagai bentuk PTK.

Namun begitu, berdasarkan temu bual awal yang dijalankan terhadap tiga orang Guru Penolong Kanan (GPK) Pendidikan Khas di tiga buah PPKI sekolah menengah. Mereka sependapat menyatakan bahawa tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi menyediakan PTK kepada MBPK MP adalah agak berat kerana terpaksa mencari agensi yang boleh memberikan kerjasama yang baik untuk menerima dan melatih murid yang mempunyai pelbagai kekurangan. Di samping itu, mereka juga perlu menyediakan kertas cadangan pelaksanaan yang ditandatangani oleh guru, ibu bapa dan agensi yang terlibat supaya bukan hanya guru akan menanggung risiko sekiranya berlaku apa-apa perkara yang tidak diinginkan sepanjang pelaksanaan program tersebut. Namun, ibu bapa kurang menunjukkan minat untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah disebabkan terlalu sibuk dengan urusan pekerjaan serta menyerahkan sepenuhnya kepada guru-guru untuk melaksanakan apa jua aktiviti untuk anak-anak mereka (Abdullah *et al.*, 2015).

Kajian Abdullah *et al.* (2015) jelas membuktikan bahawa cabaran dalam laluan kerjaya MBPK MP adalah dalam melaksanakan kurikulum pendidikan vokasional, interaksi kolaborasi dan persediaan kerjaya mereka. Memandangkan MBPK MP di PPKI sekolah menengah harian biasa ini mempunyai penguasaan yang rendah dalam bidang akademik dan latihan vokasional, maka program latihan dan kemahiran yang sesuai dapat menjamin masa depan mereka yang ingin bersaing dalam pasaran kerja (Ariffin, 2009). Oleh itu, pelaksanaan PTK untuk MBPK MP merupakan satu langkah bijak yang telah dijalankan oleh guru-guru pendidikan khas berdasarkan kreativiti dan inisiatif sendiri (Hamdan, 2003). Namun demikian, disebabkan panduan yang kurang jelas dalam pelaksanaan PTK untuk MBPK MP, sehingga tahun 2014, masih belum banyak sekolah yang melaksanakannya. Hal ini dinyatakan di dalam temu bual awal bersama seorang pegawai pendidikan khas pada Mac, 2014.

*Bukan semua PPKI sekolah menengah melaksanakan program transisi kerjaya. Antara sekolah yang ketara dalam jalankan program transisi dari tahun 2012 ialah SMK Mawar dan sudah berjaya. 6 orang masih kekal bekerja di tempat mereka buat latihan (En. Sulaiman).*

Beliau menyatakan bahawa walaupun PTK tidak dijalankan oleh semua PPKI sekolah menengah, namun terdapat sekolah yang telah berjaya melaksanakannya iaitu SMK Mawar berdasarkan murid yang telah berjaya memperoleh dan mengekalkan pekerjaan di industri, di mana mereka mengikuti PTK tersebut. Oleh yang demikian, pentingnya sebuah panduan dan perancangan jitu yang sistematik dalam pelaksanaan PTK untuk MBPK MP berdasarkan sekolah yang telah berjaya bagi menentukan keberkesanan pelaksanaan program tersebut untuk melahirkan murid yang mempunyai laluan kerjaya yang jelas seterusnya membolehkan pelaksanaan program tersebut diperluaskan ke semua PPKI sekolah menengah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Keistimewaan golongan MBPK MP adalah mereka boleh terus belajar sehingga berumur 19 tahun, dan seterusnya boleh memilih untuk bekerja (Mohd Isa & Abdul Kadir, 2013). Namun begitu, bagaimana jaminan pekerjaan dapat diberikan kepada mereka setelah tamat persekolahan jika mereka hanya diajar mengikut kurikulum semasa sehingga tamat persekolahan yang dilihat lebih cenderung kepada pendidikan bercorak akademik dan sebaliknya aspek vokasional hanya merupakan aspek kecil yang diselitkan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup (Mohd Isa & Abdul Kadir, 2013; Mat Daros *et al.*, 2012; Peter *et al.*, 2010; Mohd Isa *et al.*, 2009). Oleh itu, kurikulum bagi MBPK MP seharusnya selari dengan perkembangan pendidikan semasa serta dapat disesuaikan dengan tahap keupayaan mereka (Mohd Isa *et al.*, 2009) dan perlunya kurikulum pendidikan vokasional supaya mendedahkan mereka dengan kemahiran, pengetahuan, sikap dan pengalaman yang dapat menyediakan murid ke alam kerjaya pada masa hadapan (Abdullah & Mohd Yasin, 2014).

Di Malaysia, pelaksanaan kurikulum melalui PTK untuk MBPK MP masih kurang jelas (Bari, Mohd Yasin & Yusuf, 2013). Tidak dapat dipastikan peraturan-peraturan yang memerlukan program tersebut dilaksanakan kepada MBPK MP. Namun begitu, usaha ke arah melaksanakan transisi kerjaya untuk MBPK ini telah dinyatakan di dalam PPPM 2013 - 2025. Oleh yang demikian, bagi memastikan segala perancangan ke arah kerjaya MBPK MP dapat dilaksanakan dengan jayanya, kerjasama daripada pelbagai pihak seperti pentadbir sekolah, guru-guru, ibu bapa, agensi kerajaan dan juga swasta serta komuniti adalah sangat perlu (Abdullah *et al.*, 2015). Hal ini adalah kerana golongan MBPK memerlukan sokongan dalam menentukan kesedaran diri, kesedaran dan penerokaan kerjaya, dan persediaan kerjaya (Blackmon, 2008). Hassan *et al.*, (2006) juga berpendapat bahawa walaupun MBPK lemah dari segi akademik, namun mereka juga mempunyai minat dan bakat seperti murid lain yang mendorong kepada kesungguhan untuk belajar dan mendapat kejayaan dalam kehidupan yang banyak bergantung kepada sokongan ibu bapa, guru dan masyarakat sekeliling.

Walaubagaimanapun, PTK yang telah dijalankan untuk MBPK MP sudah dapat dibuktikan berjaya melatih mereka yang berkemahiran dan mampu bekerja melalui PPKI sekolah menengah harian di negeri Johor berdasarkan MBPK MP yang telah berkerja (Sulaiman, R., komunikasi peribadi, Mac 10, 2014). Menurut beliau juga, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mawar (bukan nama sekolah sebenar) merupakan antara salah sebuah sekolah yang telah berjaya menjalankan PTK kerana seramai 6 orang murid masih kekal bekerja berdasarkan pelaksanaan PTK melalui latihan bersama industri yang bermula pada tahun 2012, manakala seramai 13 orang telah berjaya mendapat tempat di dalam Program *Buying Seats*. Program *Buying Seats* ialah kolaborasi dengan institusi pendidikan vokasional awam, swasta dan industri yang memberi peluang kepada MBPK MP untuk mendapatkan kemahiran dan pengetahuan serta memperoleh pengalaman belajar di institusi swasta dan industri (Abdullah *et al.*, 2015) yang dikendalikan oleh BPK, KPM bermula pada tahun 2013.

PPKI SMK Mawar telah ditubuhkan pada 1 Januari 1997 dengan dua orang murid dan seorang guru. Kini, sehingga tahun 2014, bilangan murid adalah seramai 59 orang dengan 15 orang guru beserta 4 orang Pembantu Pengurusan Murid (PPM). PPKI sekolah ini telah memulakan pelbagai bentuk program transisi berasaskan Mata

Pelajaran KH iaitu program cuci kereta, kraftangan, perkebunan, rumah hijau, asas refleksiologi, andaman dan solekan, masakan, jahitan dan penternakan ikan keli. Seterusnya, program transisi secara peringkat dalaman sekolah yang dilihat banyak memberikan perkembangan positif dalam kehidupan MBPK MP sekolahnya, PPKI sekolah ini meneruskan langkah dengan menjalankan program transisi ke arah masa depan kerjaya murid melalui kolaborasi bersama pihak industri bermula pada tahun 2012. Seramai 6 orang murid berjaya mendapat peluang mengikuti latihan bekerja di industri pembuatan dan penyediaan makanan. Akhirnya, PPKI sekolah ini telah berjaya membuktikan kejayaan PTK yang dilaksanakan bersama industri kerana murid-murid tersebut telah mendapat peluang sebagai pekerja tetap di industri, di mana mereka mengikuti latihan bekerja dan masih kekal bekerja sehingga ke hari ini serta menamatkan persekolahan dengan baik.

Oleh yang demikian, satu kajian telah dijalankan terhadap sekolah yang telah berjaya menjalankan PTK untuk MBPK MP dengan mempunyai kekuatan dalam menghasilkan murid yang mampu memperoleh dan mengekalkan pekerjaan untuk dijadikan penanda aras dalam pelaksanaan PTK tersebut. Selain itu, kajian ini juga adalah bagi menghasilkan sebuah Kerangka Amalan Transisi Kerjaya MBPK MP yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk membolehkan pelaksanaan program tersebut diperluaskan ke semua PPKI sekolah menengah di Malaysia. Hal ini selaras dengan hasrat KPM untuk melaksanakan program transisi MBPK ke arah kerjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka, memahami dan menjelaskan pelaksanaan PTK yang dijalankan di PPKI SMK Mawar kepada MBPK MP. Ini adalah kerana PPKI sekolah ini telah berjaya menjalankan PTK yang dapat membantu MBPK MP memperolehi latihan dan peluang pekerjaan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metodologi kajian kualitatif dan strategi kajian kes untuk menghasilkan sebuah dapatan berdasarkan pengalaman individu dan persekitaran sebenar dalam menjalankan PTK untuk MBPK MP dengan jayanya. Dengan demikian, kajian ini

mampu memberikan dapatan yang bermakna berdasarkan pelaksanaan PTK di PPKI sekolah tersebut yang melibatkan murid, keluarga dan industri. Dapatan tentang penglibatan industri adalah penting bagi kajian ini kerana PPKI sekolah ini berjaya mendapatkan peluang latihan dan pekerjaan melalui hubungan dan kerjasama bersama pihak industri. Oleh itu, penglibatan industri dalam PTK untuk MBPK MP boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaannya di PPKI sekolah menengah.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Terdapat tiga persoalan kajian yang telah dikenal pasti berdasarkan pernyataan masalah tersebut. Persoalan kajiannya adalah:

- i. Bagaimanakah pelaksanaan PTK untuk MBPK MP di PPKI SMK Mawar?
- ii. Bagaimanakah penglibatan industri dalam pelaksanaan PTK untuk MBPK MP di PPKI SMK Mawar?
- iii. Bagaimanakah PTK dengan penglibatan industri boleh menjadi panduan kepada pelaksanaan untuk MBPK MP?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian yang telah dijalankan ini penting kerana ia berperanan sebagai satu sumber rujukan kepada pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan terutamanya pendidikan khas. Hasil daripada kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak KPM mengenai kepentingan PTK untuk MBPK MP supaya dapat dijadikan panduan dalam peningkatan kualiti pendidikan khas selaras dengan PPPM 2013-2025. Hal ini bertujuan supaya mereka dapat menilai kurikulum mengikut kategori MBPK MP ke arah kerjaya yang sesuai seterusnya menyediakan peraturan dan garis panduan kepada guru-guru PPKI untuk melaksanakannya. Selain itu, hasil kajian ini juga dapat membantu mereka merancang keperluan kursus profesionalisma kepada guru-

guru PPKI agar mereka dapat melaksanakan pengajaran dan PTK untuk MBPK MP dengan lebih efisien, terbaik dan berkesan pada masa akan datang.

Berdasarkan kajian literatur, masih belum terdapat satu model amalan transisi kerjaya untuk MBPK MP khususnya di Malaysia. Oleh yang demikian, hasil kajian ini penting dijadikan sebagai satu rujukan kepada guru-guru PPKI terutama kepada guru-guru yang bukan opsyen dan baru berkhidmat. Ia dapat membantu guru-guru PPKI dengan menjadikan hasil kajian ini sebagai satu panduan dalam melaksanakan PTK untuk MBPK MP. Hasil kajian ini juga akan dapat membantu guru-guru PPKI dalam merancang dan melaksanakan program tersebut secara sistematik. Seterusnya pelaksanaan PTK untuk MBPK MP dapat diperluaskan ke semua PPKI sekolah menengah ke arah kehidupan bermakna mereka dalam menentukan laluan kerjaya yang sesuai dan kehidupan alam dewasa. Di samping itu, hasil kajian juga diharapkan dapat membuka mata dan tanggapan keluarga MBPK MP serta komuniti terutamanya pihak majikan dalam melibatkan diri ke arah kepentingan pendidikan dan masa depan kerjaya murid tersebut.

## **1.7 Skop dan Batasan Kajian**

Pemilihan sekolah iaitu SMK Mawar bagi kajian ini adalah secara bertujuan dan berdasarkan kejayaan dan kekuatan sekolah tersebut dalam melaksanakan PTK untuk MBPK MP. Kajian ini hanya bertumpu kepada sebuah sekolah sahaja kerana sekolah tersebut mampu memberikan maklumat yang kaya untuk kepentingan kajian ini. Ini adalah kerana PPKI sekolah tersebut telah berjaya menjalankan PTK untuk MBPK MP melalui program yang diperkenalkan di peringkat kementerian, jabatan dan sekolah melalui kurikulum yang telah ditetapkan. Program-program yang dijalankan adalah melibatkan kolaborasi bersama institusi awam, swasta dan industri. Oleh itu, peserta kajian untuk tujuan temu bual yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada dua orang pihak BPK (KPM), GPK PPKI SMK Mawar, seorang guru PPKI SMK Mawar, seorang pengurus kolej kemahiran swasta dan seorang pengurus di industri pembuatan dan penyediaan makanan.

Kajian ini juga adalah untuk melihat proses dalam pelaksanaan PTK melalui kaedah pemerhatian yang dijalankan untuk MBPK MP berdasarkan kolaborasi sekolah, agensi terlibat, keluarga dan murid. Di samping itu, penilaian terhadap kejayaan dan keberkesanan PTK untuk MBPK MP yang terlibat dapat dijelaskan berdasarkan perkembangan murid dan kesediaan ke arah pekerjaan. Oleh itu, kajian ini juga melibatkan analisis dokumen terhadap perancangan dan penilaian MBPK MP dalam pelaksanaan PTK yang dilalui.

## **1.8 Definisi Istilah/ Operasional**

Beberapa istilah yang sangat penting dan banyak digunakan dalam kajian ini perlu dinyatakan dengan jelas. Berikut adalah istilah yang didefinisikan mengikut skop kajian ini.

### **1.8.1 Pelaksanaan**

Menurut Rouse (2007), pelaksanaan adalah menjalankan, atau amalan melaksanakan pelan, kaedah, atau mana-mana reka bentuk untuk sesuatu kepentingan. Oleh itu, pelaksanaan adalah tindakan yang mesti dibuat mengikut apa-apa pemikiran awal agar sesuatu perancangan benar-benar berlaku. Dalam kajian ini, pelaksanaan adalah amalan dan proses mengendalikan PTK untuk MBPK MP.

### **1.8.2 Kerjaya**

Menurut Patton & McMahon (2006), kerjaya merupakan pelbagai peraturan pekerjaan yang perlu ditanggung oleh individu sepanjang hayat untuk mendapatkan kehidupan yang selesa. Kerjaya dalam kajian ini merujuk kepada laluan atau bentuk pekerjaan yang bersesuaian dengan MBPK MP melalui pelaksanaan PTK.

### **1.8.3 Kebolehgajian**

Kemahiran kebolehgajian merupakan kemahiran yang diperlukan bagi melayakkan individu mendapat pekerjaan (Benz, Yunavoff & Doren, 1997). Dalam konteks kajian, kemahiran kebolehgajian adalah kemahiran bekerja MBPK MP berdasarkan PTK yang dijalankan.

### **1.8.4 Kolaborasi**

Kolaborasi merupakan tindakan kerjasama di antara beberapa pihak dalam sesuatu perancangan (Eipstein, 2010). Dalam konteks kajian ini, kolaborasi merupakan hubungan yang terbina di antara sekolah; murid; keluarga; dan institusi pendidikan vokasional dan industri.



### **1.8.5 Kemahiran Advokasi Diri**

Menurut Test *et al.* (2005), kemahiran advokasi diri merupakan kemahiran dan kemampuan untuk menyatakan sesuatu kepada orang lain. Dalam konteks kajian ini, kemahiran advokasi diri merupakan kemahiran yang terbentuk melalui pelaksanaan PTK yang dijalankan dalam membina matlamat dan tindakan masa depan MBPK MP.

## **1.9 Rumusan**

Secara keseluruhannya, bab ini dapat merumuskan kajian tentang pelaksanaan PTK untuk MBPK MP yang dijalankan di SMK Mawar. Penentuan tujuan kajian dijalankan di PPKI sekolah ini adalah berdasarkan permasalahan yang timbul dalam penyaluran perkhidmatan pendidikan ke arah masa depan kerjaya dan kedewasaan MBPK MP. Namun PPKI sekolah ini telah menjalankan program transisi kerjaya untuk murid tersebut bagi membolehkan mereka mendapatkan peluang pekerjaan. Berdasarkan tujuan kajian, pengkaji telah menentukan persoalan kajian bagi memastikan dapatan yang bermakna dalam pelaksanaan PTK untuk MBPK MP di PPKI SMK Mawar, penglibatan industri dalam PTK yang dilaksanakan dan panduan yang terhasil daripada penglibatan industri dalam PTK yang dijalankan oleh PPKI sekolah ini kepada MBPK MP. Seterusnya, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pihak-pihak yang berkepentingan sebagai sumber rujukan bagi membolehkan pelbagai tindakan diambil dan pelaksanaan PTK untuk MBPK MP ini dapat diperluaskan kepada semua PPKI sekolah menengah.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan kajian literatur terhadap teori-teori dan model-model yang telah diuji dalam kajian sebelum ini yang boleh dijadikan sebagai garis panduan terhadap kajian pelaksanaan Program Transisi Kerjaya (PTK) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran (MP). Oleh yang demikian, kajian literatur ini dapat menjurus serta mengenal pasti jurang kajian yang masih belum disentuh oleh pengkaji terdahulu. Selain itu, kajian literatur ini juga dapat memberikan gambaran keseluruhan dan justifikasi penting dalam menyelesaikan serta menjawab persoalan yang timbul. Ini adalah kerana kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan transisi ke arah kerjaya MBPK dapat membantu pengkaji mengumpul dan menganalisis maklumat bagi memudahkan proses kajian ini dijalankan dengan sistematik untuk menghasilkan dapatan yang bermakna. Namun demikian, pengkaji banyak menggunakan kajian-kajian dari luar negara sebagai rujukan disebabkan kurangnya kajian berkaitan PTK untuk MBPK di Malaysia. Tambahan lagi, polisi yang menyatakan keperluan perkhidmatan transisi kerjaya untuk MBPK tidak mampu mendorong guru-guru PPKI untuk melaksanakannya disebabkan tidak mempunyai panduan pelaksanaan yang jelas.

## 2.2 Kurikulum Pendidikan Khas

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013) Bahagian 3, 'Kurikulum Pendidikan Khas' ertinya:

- (a) Kurikulum Kebangsaan;
- (b) Kurikulum Kebangsaan yang diubah suai oleh Ketua Pendaftar;
- (c) kurikulum yang direka bentuk khusus oleh Ketua Pendaftar; atau
- (d) apa-apa kurikulum latihan kemahiran yang, pada pendapat Ketua Pendaftar, sesuai dan bermanfaat bagi MBPK

Bagi melaksanakan Pendidikan Khas, berdasarkan akta tersebut juga, Peraturan-peraturan Pendidikan Khas (2013) Bahagian 8 (1) menyatakan bahawa:

- (a) mana-mana orang yang terlibat dalam pelaksanaan Pendidikan Khas hendaklah menggunakan Kurikulum Pendidikan Khas;
- (b) seseorang guru hendaklah menggunakan Rancangan Pendidikan Individu (RPI); dan
- (c) seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran; masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti; susunan aktiviti; dan bahan bantu mengajar.

Berdasarkan akta tersebut, Kurikulum Pendidikan Khas di Malaysia adalah sangat luas kerana boleh menggunakan semua Kurikulum Kebangsaan; atau membuat pengubahsuaian; membuat reka bentuk khusus atau latihan kemahiran yang bersesuaian dan dapat memberi manfaat kepada MBPK. Akta tersebut juga menyatakan bahawa individu yang terlibat dengan pelaksanaan Pendidikan Khas hendaklah menggunakan Kurikulum Pendidikan Khas dengan penggunaan RPI dan boleh membuat pengubahsuaian kepada kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran; masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti; susunan aktiviti; dan bahan bantu mengajar mengikut kesesuaian dan manfaat kepada murid. Rajah 2.1 menunjukkan Model Konseptual Kurikulum Pendidikan Khas yang digunakan untuk MBPK MP.



Rajah 2.1: Model Konseptual Kurikulum Pendidikan Khas

Rajah 2.1 di atas menunjukkan bahawa kurikulum MBPK MP digubal dengan melihat kepada kepelbagaian keupayaan individu murid ke arah arah mendapat kehidupan bermakna. Oleh itu, perkhidmatan pendidikan yang disediakan untuk murid-murid tersebut adalah secara menyeluruh dan bersepadu, pembelajaran yang mengembirakan dan bermakna serta pendidikan sepanjang hayat. Keperluan murid adalah dalam bidang pembelajaran, bentuk penilaian dan pendekatan atau strategi PdP dalam menghasilkan murid yang berdikari; berdisiplin dan berfikiran positif; bermoral dan beretika; berkemahiran dan berketrampilan; produktif dan boleh menyumbang kepada keluarga; dan masyarakat serta pembangunan negara. Oleh yang demikian, Kurikulum Pendidikan Khas bermatlamat untuk menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui proses PdP yang fleksibel untuk memenuhi keperluan individu dengan pelbagai tahap keupayaan ke arah kehidupan bermakna (Peter *et al.*, 2010).

Kurikulum Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran bagi PPKI di sekolah rendah dan menengah harian adalah sama berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran


Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (HSPPKBP) 2003 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Khas (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), di peringkat menengah, KPM menyediakan pendidikan berasaskan akademik atau vokasional bagi murid berkeperluan khas. Berdasarkan HSPPKBP, mata pelajaran dibahagikan kepada empat bidang iaitu Bidang Pengurusan Kehidupan, Bidang Akademik Berfungsi, Bidang Kerohanian dan Bidang Sosial, Riadah dan Kreativiti. Secara mendalamnya di dalam Bidang Kemahiran Pengurusan Kehidupan terdiri dari mata pelajaran Pengurusan Diri, Kemahiran Manipulatif, Pengurusan Tingkah Laku dan Kemahiran Hidup. Di dalam Bidang Akademik Berfungsi pula mengandungi mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris, Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Bidang Kerohanian pula mempunyai hanya dua mata pelajaran iaitu Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Manakala bagi Bidang Sosial, Riadah dan Kreativiti pula terdiri dari mata pelajaran Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni, Pendidikan Muzik, Gerakan dan Drama, dan yang terakhir Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar.

Pelaksanaan kurikulum tersebut adalah bersandarkan kepada Falsafah Pendidikan Khas iaitu satu usaha yang berterusan untuk menggalakkan perkembangan optima seseorang individu sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Nasri *et al.*, 2010). Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) menyatakan di dalam PPPM 2013-2025, bahawa sistem pendidikan akan terus membangunkan laluan yang menarik dan berdaya maju supaya dapat memenuhi kepelbagaian minat dan bakat murid di Malaysia. Kementerian juga akan menggerakkan sistem pembelajaran berasaskan sekolah kepada sistem pembelajaran yang lebih meluas dengan penglibatan keluarga dan komuniti. Dengan itu, Gelombang 1 PPPM bagi tahun 2013-2025 di bawah subtajuk 'Mengukuhkan Pengetahuan Sedia Ada' telah menyatakan bahawa mereka akan meneruskan usaha meningkatkan kualiti pendidikan dengan melibatkan lebih banyak kemahiran vokasional dalam kurikulum pendidikan khas kerana salah satu bidang yang amat penting bagi pembangunan negara adalah pengukuhan bidang vokasional.

### 2.3 Pendidikan Vokasional

Bidang vokasional merupakan satu konsep pendidikan yang berorientasikan kerjaya dan konsep keseluruhan pendidikan vokasional adalah untuk pembangunan kompetensi, termasuk individu, kecekapan kerja, latihan yang berkesan, konsep pengajaran serta konsep pembelajaran yang diperlukan untuk memasuki pasaran kerja (Rasul *et al.*, 2012). Program yang dijalankan dalam kurikulum pendidikan vokasional yang disediakan kepada MBPK MP di peringkat menengah seharusnya relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa serta bersesuaian dari segi keupayaan fizikal dan mental murid itu sendiri (Mohd Isa *et al.*, 2009). Ini adalah kerana kajian Paul (2011) mendapati bahawa individu yang terlibat dengan gabungan program akademik dan pendidikan vokasional dapat memberi kesan positif kepada ciri-ciri pekerjaan, seterusnya dapat mengekalkan pekerjaan tersebut kerana perubahan tingkah laku ke arah yang positif, penglibatan sosial dan kemampuan untuk bekerja dengan baik.

Bagi memastikan pelaksanaan program dalam kurikulum pendidikan vokasional dapat dilaksanakan secara berkesan, guru-guru pendidikan khas perlu memperoleh pengetahuan yang kukuh dalam bidang tersebut, di samping memberi tumpuan kepada strategi pembelajaran dan pengajaran (Dupoux, 2008), peranan pengetua dan kaunselor amat diperlukan (Mat Daros *et al.*, 2012), pihak ibu bapa perlu memberikan sokongan yang kuat kepada pihak institusi sementara pihak-pihak luar perlu lebih proaktif dan kemudahan asas perlu disediakan dengan lengkap bagi tujuan pelaksanaan kurikulum (Mohd Isa *et al.*, 2009). Selain itu, Polloway, Patton & Serna (2001) mendapati lapan bentuk latihan vokasional yang boleh diterapkan dalam program transisi ke arah alam pekerjaan MBPK. Rajah 2.2 menunjukkan latihan vokasional berasaskan sekolah untuk MBPK.



Rajah 2.2: Latihan Vokasional Berasaskan Sekolah  
(Polloway, Patton & Serna, 2001)

Berdasarkan Rajah 2.2 tersebut, terdapat lapan bentuk latihan vokasional yang boleh diterapkan dalam program transisi sekolah ke kerjaya untuk MBPK iaitu latihan vokasional biasa, latihan vokasional komuniti, latihan vokasional adaptasi, latihan distributif, latihan kerja, pengalaman kerja, sokongan pekerjaan dan latihan kerja kampus. Latihan vokasional yang berasaskan sekolah merangkumi aspek-aspek yang menjadi pemangkin dalam latihan yang diberikan (Polloway *et al.*, 2001). Beliau mendapati latihan vokasional biasa diterapkan melalui proses PdP berdasarkan kurikulum yang ditetapkan. Latihan komuniti pula adalah merujuk kepada latihan tentang perkara-perkara yang bersangkutan dengan pekerjaan yang ada dalam komuniti atau persekitaran yang bersesuaian dengan tahap keupayaan, potensi dan minat MBPK.

Polloway *et al.* (2001) juga mendapati latihan vokasional adaptasi merupakan pengubahsuaian terhadap kemahiran yang perlu diajar mengikut kebolehan serta keupayaan individu murid berkeperluan pendidikan khas. Seterusnya murid tersebut

akan diberi pengagihan mengikut minat serta keupayaan mereka melalui latihan distributif iaitu latihan untuk menguasai sesuatu kemahiran secara berterusan. Selain itu, mereka juga mendapati bentuk latihan vokasional berasaskan sekolah dan tempat kerja membolehkan mereka mendapat latihan kerja dan pengalaman kerja yang akan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan pekerjaan. Di samping itu, latihan kerja kampus seperti yang telah dilaksanakan oleh KPM iaitu membeli tempat latihan (*buying seats*) untuk MBPK MP iaitu kerjasama bersama institusi pendidikan vokasional bagi mereka menjalani latihan pekerjaan pula membolehkan mereka melatih diri mereka untuk dapat menyesuaikan diri dengan bidang pekerjaan supaya mereka dapat mengekalkan pekerjaan tersebut.

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan pendidikan vokasional terhadap murid pendidikan khas, Jones & Williams (2011) membuktikan bahawa pendidikan dan latihan vokasional memberikan kesan positif kepada pengetahuan, pencapaian dan kebolehan diri murid. Dupoux (2008) pula mendapati latihan vokasional mengurangkan kadar keciciran untuk mendapat peluang pekerjaan. Manakala dapatan kajian Ofoegbu & Azarmsa (2010) dapat membuktikan program berasaskan pendidikan vokasional untuk murid pendidikan khas menunjukkan keberkesanan kepada kejayaan kerjaya murid dari sudut perolehan kerja dan pengekalan kerja. Sehubungan dengan itu, pendidikan vokasional dapat menyediakan peluang pendidikan yang dapat melatih MBPK berkemahiran ke arah persiapan untuk melangkah ke alam pekerjaan (Worrell & Taber, 2009). Di samping itu, ibu bapa dan guru mempunyai imej yang positif terhadap pendidikan teknikal dan latihan vokasional sebagai menyediakan pendidikan yang lebih meluas terutamanya bagi murid yang lemah dan kurang berminat dengan akademik (Alavi, Sail & Awang 2013).

Kajian Mohd Isa *et al.* (2009) pula membuktikan bahawa pendidikan vokasional amat penting kepada MBPK untuk membantu mereka mengatasi masalah-masalah di tempat kerja setelah tamat persekolahan kerana kemahiran spesifik dalam pendidikan vokasional yang merangkumi aspek kemahiran akademik seperti menulis, membaca dan mengira. Kajian beliau juga mendapati pendidikan vokasional merangkumi aspek penyelesaian masalah, kemahiran mendengar, bertutur dan asas komputer. Pendidikan vokasional juga dapat melatih MBPK dengan kemahiran berkomunikasi seperti memberi dan menerima arahan secara tepat,



menyampaikan maklumat, meminta dan menawarkan bantuan. Tambahan lagi, latihan vokasional yang diberikan dapat meningkatkan kemahiran interpersonal dan sosial, menunjukkan tingkah laku dan etika yang sesuai di tempat kerja, di samping meningkatkan keyakinan diri atau sendiri serta kemahiran mengawal diri (Mat Daros *et al.*, 2012; Mohd Isa *et al.*, 2009). Hal ini disokong turut oleh kajian Yusuf *et al.* (2013) yang menyatakan bahawa pendidikan vokasional merupakan salah satu usaha untuk mengembangkan keupayaan golongan MBPK memperoleh kemahiran-kemahiran yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan.

Namun begitu, Kajian Mohd Isa & Abdul Kadir (2013) mendapati kurikulum Pendidikan Khas di PPKI yang tidak menjurus kepada kemahiran vokasional dan guru-guru Pendidikan Khas di sekolah menengah harian biasa ini mengambil peluang serta inisiatif mengajar MBPK MP dengan kemahiran vokasional berdasarkan enam sukatan tajuk yang terdapat dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Pendidikan Khas iaitu Masakan, Pertukangan, Jahitan, Perkebunan, Pemeliharaan Haiwan dan Asas Mendobi. Oleh itu, KPM telah merangka Program Mata Pelajaran Vokasional Khas (MPV-Khas) untuk MBPK sejak tahun 2005 (Abdullah & Mohd Yasin, 2014). Nasri *et al.* (2010) pula menyatakan bahawa satu draf MPV-Khas telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kurikulum Pusat di KPM pada April 2006 untuk dilaksanakan secara rintis di enam buah sekolah bermula pada tahun 2007 dengan enam komponen kursus yang ditawarkan iaitu Pertanian; Perkhidmatan; Masakan; Penyelenggaraan; Kraftangan; dan Jahitan.

Menurut Abdullah & Mohd Yasin (2014) juga, kurikulum ini merupakan Kurikulum Kemahiran Vokasional Alternatif iaitu kesinambungan daripada mata pelajaran Kemahiran Hidup, Pengurusan Diri, Kemahiran Manipulatif atau Kemahiran Sekolah ke Kerjaya (SKK) dalam Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran sekolah menengah. Oleh yang demikian, pendidikan vokasional alternatif perlu diajar kepada murid-murid bermasalah pembelajaran supaya mereka mendapat kemahiran untuk hidup berdikari dan sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan di samping menjadi modal insan yang produktif serta dapat menyumbang kepada pembangunan negara (Abdullah & Mohd Yasin, 2014). Hal ini selari dengan kenyataan KPM bagi mengukuhkan pendidikan vokasional dengan melaksanakan kurikulum gunaan dan vokasional untuk MBPK

## RUJUKAN

- Adnan, R. N. (2010). *Penilaian Pengurusan Fasiliti di Sekolah Dasar Negeri di Jakarta*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Ph.D. “Tidak diterbitkan”.
- Ahmad, M. S. (2004). *Mengurus Kanak-kanak yang Susah Belajar*. 1<sup>st</sup> ed. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah, N. & Mohd Yasin, M. H. (2014). Keperluan Pelaksanaan Program Mata Pelajaran Vokasional Khas (MPV-Khas) Murid Bermasalah Pembelajaran ke Arah Persediaan Kerjaya. *Seminar International Pascasiswazah Pendidikan Khas UKM-UPI*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1 - 7.
- Abdullah, N., Mohd Yasin, M. H. & Abdullah, N. A. (2015). Implementation of the Inter-Agency Collaboration in Vocational Education of Students with Learning Disabilities towards Preparation of Career Experience. *Asian Social Science*. 11 (18). 183 - 192.
- Abdullah, N., Mohd Yasin, M. H., Abang Deli, A. A. & Abdullah, N. A. (2015). Vocational Education as a Career Pathway for Students with Learning Disabilities: Issues and Obstacles in the Implementation. *International Journal of Education and Social Science*. 2 (3). 98 - 104.
- Alavi, K., Sail, R. M. & Awang, A. H. (2013). Image of Technical Education and Vocational Training from the Perspective of Parents and Teachers. *Journal of Technical Education and Training*. 5(1), 68 – 88.
- Amiruddin, S., Sombuling, A. & Voo, P. S. K. (2014). Penilaian Kesediaan ke Sekolah Kanak-kanak dan Pengaruhnya Terhadap Penyesuaian di Sekolah. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*. Malaysia: Sabah. 1 – 8.
- Anfara, V. A. & Mertz, N. T. (2006). *Theoretical Frameworks in Qualitative Research*. 1<sup>st</sup> ed. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Ariffin, Z. (2009). *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

- Bahagian Pendidikan Khas. (2015). Program Buying Seats [versi elektronik]. Dicapai pada Jun 20, 2015, dari <http://www.moe.gov.my/my/Pengurusan-Program-PBS>.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2014). Program Pendidikan Khas Integrasi [versi elektronik]. Dicapai pada Januari 15, 2014, dari <http://web.moe.gov.my/bpkhas/v2/>.
- Bari, S., Mohd Yasin, M. H. & Yusuf, M. M. (2013). School-to-Work for Hearing Impaired Students. *International Journal of Education and Research*. 1(23), 1 – 12.
- Blackmon, D. (2008). *Transition to adult living: An information and Resource Guide*. California Services for Technical Assistance and Training (CalSTAT California Department of Education 2008).
- Benz, M. R., Yunavoff, P. & Doren, B. (1997). School-to-Work Components That Predict Postschool Success for Students With and Without Disabilities. *Exeptional Children*. 63, 151 – 165.
- Dupoux, E. (2008). General or Vocational Curriculum: LD Preference. *International Journal of Special Education*. 23(3), 39 – 47.
- Elleven, R., Wircenski, M., Mircenski, J. & Nimon, K. (2006). Curriculum-Based Virtual Field Trips: Career Development Opportunities for Students with Disabilities. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 28(3), 4 – 11.
- Epstein, L. J. (2010). *School, Family, and Community Partnerships: Preparing Educators and Improving Schools*. 2<sup>nd</sup> ed. United States of Amerika: Westview Press.
- Fakulti Pendidikan Universiti York (2012). Teaching Self-Advocacy Skills to Students [versi elektronik]. Dicapai pada Jun 20, 2015, dari <https://teachingselfadvocacy.wordpress.com/teaching-self-advocacy-skills>.
- Galleta, A. (2013). *Mastering the Semi-Structured Interview and Beyong*. United States of Amerika: New York University Press.
- Gugerty, J., Foley, C., Frank, A. & Olson, C. (2008). Developing and Operating School Based Enterprise that Empower Special Education Students to Learn and Connect Classroom, Community and Career-Related Skills. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 31(3), 19 – 56.

- Haber, G. & Sutherland, L. (2008). The Four A's of Managing the Placement and Service of Students with Disabilities in the CTE Classroom. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 31(1), 4 – 8.
- Hackmann, D., Kenworthy, J., & Nibbelink, S. (1998). Student empowerment through student-led conferences. *Middle School Journal*, 30(1), 35-39.
- Halim, F.A., Bakar, A. R., Hamzah, R. & Rashid, A. M. (2013). Employability Skills of Technical and Vocational Students with Hearing Impairments: Employers' Perspectives. *Journal of Technical Education and Training (JTET)*. 5 (21). 65 - 74.
- Hamdan, A. R. (2003). *Satu Kajian Mengenai Program Transisi Bagi Pelajar Berkeperluan Khas*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Projek Sarjana. "Tidak diterbitkan".
- Hashim, J. & Wok, S. (2014). Predictors to Employees with Disabilities' Organisational Behaviour and Involvement in Employment. *Equality, Diversity and Inclusion: An International Journal*. 33(2). 193 - 209.
- Hassan, Z., Yusof, S. M & Wahad, S. (2006). Pengaplikasian Kemahiran Amali Mata Pelajaran Kemahiran Hidup dalam Kehidupan Pelajar Berkeperluan Khas. Dicapai pada Disember 20, 2012. dari ms 1 di [http://eprints.utm.my/1512/1/Zainudin\\_Hassan\\_UTM\\_JPPG.pdf](http://eprints.utm.my/1512/1/Zainudin_Hassan_UTM_JPPG.pdf).
- Jones, B.A. & Williams, K.L. (2011). Perceptions of Vocational Training With Elementary Special Education Students: A Case Study. *International Journal of Special Education*. 26(1), 125 – 134.
- Karahalis, J. (2011). Coherence and Compliance of Kohler's Model for Successful Transition Planning with Classified Special Education Students. Dicapai pada Oktober, 20, 2015, dari ms.1 di [http://stats.jkarahalis.com/sites/default/files/Johns\\_Dissertation\\_April\\_2nd\\_2011.pdf](http://stats.jkarahalis.com/sites/default/files/Johns_Dissertation_April_2nd_2011.pdf).
- Kauffman, J.M. & Hallahan, D. P. (2005). *Special Education: What It Is And Why We Need It*. 2<sup>nd</sup> edition. Boston ; Montreal : Pearson/ Allyn and Bacon.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*. Putrajaya.
- Kiarie, M. W. (2006). Educational Services for Students with Mental Retardation In Kenya. *International Journal of Special Education*. 21(2), 47 – 54.
- Kohler, P. D. & Field, S. (2003). Transition-Focused Education: Foundation for the Future. *The Journal of Special Education*. 37(3), 174 - 183.
- Lebar, O. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. 3<sup>rd</sup> ed. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lindstrom, L., Hirano, K. A., McCarthy, C. & Alverson, C. Y. (2014). “Just Having a Job”: Career Advancement for Low-Wage Workers with Intellectual and Developmental Disabilities. *Career Development and Transition for Exceptional Individuals*. 37 (1). 40 - 49.
- Mad Isa, M. H. & Abdul Kadir, S. (2013). Perbandingan Kemahiran Vokasional Diperlukan Pelajar Pendidikan Khas Integrasi Sekolah Menengah Harian Biasa Dengan Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan. Bangi: Universiti Putra Malaysia. 400 – 406.
- Makhbul, Z. M. & Hasun, F. M. (2003). *Mengurus Latihan dan Kerjaya*. 1<sup>st</sup> ed. Petaling Jaya: Leeds Publications.
- Malakolunthu, S (2001). Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif. dlm. Marohaini Yusoff. *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 121.
- Malaysia (2013). *Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013)*: P.U. (A) 230 2013.
- Mat Daros, M., Nordin, M. S. & Saud, M. S. (2012). Pelajar Berkeperluan Khas dan Bermasalah Pembelajaran Dari Sekolah Ke Kerjaya. *Journal of Social Science*. 5(1), 42 – 46.
- McDonnall, M. C., Crudden, A. & O’Mally, J. (2015). Predictors of Employer Attitudes Toward People Who are Blind or Visually Impaired as Employees. *Journal of Vocational Rehabilitation*. 42(1). 41 - 50.
- Merriam, S. B. (2002). *Qualitative Research in Practice*. 1<sup>st</sup> ed. San Francisco: Jossey-Bass.

- Miles, M. B. & Huberman, A. M (1994). *Qualitative Data Analysis : An Expanded Sourcebook*. 2<sup>nd</sup> ed. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Mohamad, M. M., Yee, M. H., Tee, T. K. & Muhamad Rashid. R. (2012). Vocational Pedagogy A Dimension of Vocational Learning with Workplace Requirement. *Journal of Technical Education and Training*. 4(1), 23 – 30.
- Mohamed, J. K. A. (2005). *Pendidikan Khas Untuk Kanak-Kanak Istimewa*. 1<sup>st</sup> ed. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Isa, Z., Salleh, N., Mustapha, R. & Mohd Yassin, H. (2009). Analisis Keperluan Kurikulum Pendidikan Vokasional Pelajar Bermasalah Pembelajaran (LD) Di Malaysia. *Malaysian Education Deans' Council Journal*. 3(2), 87- 97.
- Mohd Yusof, M. & Mohd Yasin, M. H. (2014). Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis PhD. “Tidak diterbitkan”.
- Mohd Zain, N. (2013). *Persepsi Pelajar Mengenai Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Projek Sarjana. “Tidak diterbitkan”.
- Nasri, M. S., Hamzah, R. & Udin, A. (2010). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Memperkasakan Peranan Pendidikan Teknik Vokasional dan Pendidikan Khas. Dicapai pada Oktober 2, 2012, dari ms 1. di [http://eprints.utm.my/14948/1/Falsafah\\_Pendidikan\\_Kebangsaan\\_Memperkasakan\\_Peranan\\_Pendidikan\\_Teknik-eprint8.pdf](http://eprints.utm.my/14948/1/Falsafah_Pendidikan_Kebangsaan_Memperkasakan_Peranan_Pendidikan_Teknik-eprint8.pdf).
- Ng Lee.Y. M. A & See, C. M. (2011). Employment Of Peopleh With Disabilities In Malaysia: Drivers And Inhibitors. *International Journal of Special Education*. 26(1), 112 – 124.
- Ng Lee, M. Y. A., See, C. M., Tan, K. E., Rosly, O. & Ahmad, F. O. (2013). School-To-Work Transition Services for Students with Disabilities in Malaysia: Organisation's Views on Policy and Practices. *Journal of Research in Special Educational Needs*. 13 (4), 259 – 271.
- Nietupski, J., Warth, J., Winslow, A., Johnson, R., Douglas, B., Johnson, M. & Cilek, J. (2006). Iowa's High School Super Senior School-to-Work Transition Program. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 29(1), 17 – 29.

- Ofoegbu, N.E. & Azarmsa, R. (2010). Impact Of The Special Education Vocational Education Program (VEP) On Student Career Success. *International Journal of Special Education*. 25(2), 34 – 46.
- Paez, P. & Arendt, S. W. (2014). Managers' Attitude towards Employees with Disabilities in the Hospitality Industry [versi elektronik]. Dicapai pada Mac 15, 2015, dari [http://lib.dr.iastate.edu/aeshm\\_pubs.pdf](http://lib.dr.iastate.edu/aeshm_pubs.pdf).
- Patton, W. & McMahon, M. (2006). *Career Development and System Theory: Connecting Theory & Practice*. The Netherlands: Sense Publishers.
- Paul, S. M. (2011). Outcomes of Students With Disabilities in A Developing Country: Tobago. *International Journal of Special Education*. 26(3), 194 – 211.
- Peter, C.J., Emeliana, E. & Mohd Sofi, N. (2010). Perkembangan Kurikulum Pendidikan Khas Teknik dan Vokasional. Dicapai pada September 14, 2012, dari ms. 1 di [http://eprints.utm.my/14941/1/Perkembangan Kurikulum Pendidikan Khas Teknik dan Vokasional.pdf](http://eprints.utm.my/14941/1/Perkembangan_Kurikulum_Pendidikan_Khas_Teknik_dan_Vokasional.pdf).
- Polloway, E. A., Patton, J. R. & Serna, L. (2001). *Strategies for Teaching Learners with Special Needs*. 7<sup>th</sup> ed. Upper Saddle River, N.J: Merrill/Prentice Hall.
- Poniran, A. (2010). Kajian Kes Program Keberkesanan Program Transisi Sekolah Ke Kerjaya. Dicapai pada Oktober 20, 2012, dari <http://otak2sped.blogspot.com/search?q=Kajian+Kes+Program+Keberkesanan+Program+Transisi+Sekolah+Ke+Kerjaya>.
- Rasul, M. S., Ismail, M. Y., Ismail, N., Rajuddin, R. & Abd. Rauf, R. (2009). Aspek Kemahiran 'Empoyability' yang Dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (2), 67 – 79.
- Rojewski, J. W. (1992). Key Components of Model Transition Services for Students with Learning Disabilities. *Learning Disability Quaterly*. 13 (1). 135 - 150.
- Rouse, M. (2007). Definition Implementation [versi elektronik]. Dicapai pada Februari 20, 2014, dari [www.searchcrm.techtarget.com/definition/implementation](http://www.searchcrm.techtarget.com/definition/implementation).
- Samian, S. S., Ali, K. M. & Buntat, Y. (2013) Persepsi Majikan Terhadap Pekerja Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Organisasi di Negeri Johor [versi elektronik]. Dicapai pada Mac 3, 2013, dari ms1. di <http://educ.utm.my/wp-content/uploads/2013/11/491.pdf>.

- Siperstein, G. N., Romano, N., Mohler, A. & Parker, R. (2006). A National Survey of Consumer Attitudes Towards Companies That Hire People With Disabilities. *Journal of Vocational Rehabilitation*. 24 (1). 3 – 9.
- Strauss, A & Corbin, J (1998). Basics of Qualitative Research : Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory. 2<sup>nd</sup> ed. United Kingdom: SAGE Publications.
- Test, D. W., Fowler, C. H., Wood, W. M. Brewer, D. M. & Eddy, S. (2005). A Conceptual Framework of Self Advocay for Students With Disabilities. *Journal or Special Education*. 26(1), 43 – 52.
- Thijssen, J. G.L., Heijden, B. I.J.M. & Rocco, T. S. (2008). Toward the Employability--Link Model: Current Employment Transition to Future Employment Perspectives. *Human Resource Development Review*. 7 (2). 165-183.
- Tie, F.A. (2006). Perkembangan Rangka Perundangan Undang-Undang Pendidikan Khas di United Kingdom: Implikasi Kepada Malaysia. *Masalah Pendidikan*. 159 – 166.
- Wehmeyer, M. L. & Palmer, S. B. (2003). Adult Outcomes for Students with Cognitive Disabilities Three Years After School: The Impact of Self-Determination. *Education and Training in Developmental Disabilities*. 38 (2). 131 - 144.
- William-Diehm, K. L. & Lynch, P. S. (2007). Student Knowledge and Perceptions of Individual Transition Planning and It's Process. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 29(3), 13 – 21.
- Woolsey, L. & Katz-Leavy, J. (2008).Excerpts from Transitioning Youth with Mental Helath Needs to Meaningful Employment and Independent Living. *The Journal for Vocational Special Needs Education*. 31(1), 9 – 18.
- Worrell, J. L. & Taber, M. (2009). Special Education Practices in China and The United States: What is To Come Next? *International Journal of Special Education*. 24(3), 132 – 142.
- Yusuf, A. M., Ali, M. M, & Salleh, A.M. (2013). Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas Ke Arah Memenuhi Pasaran Pekerjaan. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research*. Malaysia: Penang. 1189 – 1196.



- Yusoff, M. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. 1<sup>st</sup> ed. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zainal Abidin, N. (2009). What Do We Mean By Transition At Secondary School For Studentds With Special Educational Needs: A Case Study in the Federal Territory, Kuala Lumpur, Malaysia. University of Warwick: Tesis PhD. “Tidak diterbitkan”.
- Zulkifli, A. H., Jamilah, O., Aminah, A. & Asmi, A. I. (2011). Hubungan Antara Penglibatan Iubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3 (2). 31 - 40.